

**KELAB
DAYA
ILMU** ⚡

KIT PANDUAN



**TAWAN
WARTAWAN**

LATAR BELAKANG



TAWAN WARTAWAN ⏪

2:09 MINIT ⏪

RINGKASAN VIDEO:

Seorang wartawan cuba melaporkan tentang banjir di satu kawasan di Malaysia. Tetapi peguam kepada seorang ADUN menghalangnya dan mengugut dengan denda kerana hanya media tertentu dibenarkan membuat liputan di kawasan tersebut.



CARA MENGGUNAKAN FILEM INI:

Video ini sesuai untuk perbincangan tentang:

- Sekatan terhadap media di Malaysia
- Kepentingan media kepada masyarakat
- Cara untuk menyelesaikan masalah ini


Ia juga sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran untuk pelajar dan golongan muda tentang kebebasan media.

PENGAJARAN UTAMA:

- Media penting untuk melaporkan isu yang melibatkan kepentingan orang ramai.
- Media boleh disekat oleh pelbagai pihak yang mempunyai kuasa.
- Kita perlu fikir cara untuk memperbaiki keadaan ini, seperti penubuhan Majlis Media Malaysia.



PANDUAN



FASILITATOR



**TEMPOH PERBINCANGAN:
1 JAM 30 MINIT**



**SASARAN PESERTA:
PELAJAR BERUMUR 18–24 TAHUN**

INGAT!



Berikan galakan positif untuk mendorong peserta berkongsi pandangan dan pendapat mereka.


Elakkan mengatakan jawapan peserta salah secara langsung. Sebaliknya, gunakan pendekatan yang lebih lembut untuk memperbetulkan jawapan. Contohnya, anda boleh bertanya kepada peserta lain tentang pandangan mereka terhadap isu tersebut.






SOALAN PANDUAN:

1. Kenapa anda rasa media disekat di Malaysia?
2. Bagaimana media disekat? Apakah cara atau mekanisme yang digunakan?
3. Bagaimana ini memberi kesan kepada kepercayaan terhadap media?
4. Apakah kepentingan media kepada masyarakat?
5. Bagaimana anda (sebagai orang awam atau golongan muda) boleh memastikan kebebasan dan integriti media?



PANDUAN JAWAPAN KEPADA FASILITATOR:



Bincangkan bagaimana pihak berkuasa mempengaruhi sekatan media di Malaysia:

- Kuasa politik / kerajaan
- Isu 3R (Race, Religion, Royalty)
- Kepentingan perniagaan

Selepas itu, lihat cara media disekat:

- SLAPP (tindakan undang-undang untuk menakutkan pihak tertentu)
- Penggunaan kuasa oleh kerajaan
- Penggunaan undang-undang seperti PPPA dan Seksyen 233 CMA

Tanya:

- Adakah anda percaya kepada media?
- Bolehkah media melaporkan isu penting dengan bebas dalam keadaan ini?

PANDUAN JAWAPAN KEPADA FASILITATOR:



Kenapa media penting?

Media penting untuk melaporkan:

- Isu tempatan: alam sekitar, pengangkutan, kemudahan awam
- Isu nasional: keselamatan, kesihatan, rasuah

Cara untuk capai kebebasan media:


Penubuhan Majlis Media Malaysia

Tekanan daripada rakyat kepada kerajaan untuk lindungi media

Pinda atau mansuhkan undang-undang yang bermasalah

Pastikan media sentiasautamakan kepentingan rakyat

GLOSARI



ADUN

Wakil rakyat di peringkat negeri.

SLAPP

Tindakan undang-undang untuk menakutkan atau mendiamkan orang awam

3R

Race, Religion, Royalty (Kaum, Agama, Raja)

MCMC/SKMM

Suruhanjaya yang mengawal komunikasi, penyiaran, dan internet di Malaysia.

KEBEBASAN BERSUARA (PERKARA 10)

Hak dalam Perlembagaan Malaysia yang membenarkan rakyat bersuara dengan bebas. Namun, ia boleh dihadkan jika perlu untuk elak keganasan atau gangguan.

KONSEP PENTING

Majlis Media Malaysia:

Badan bebas yang melibatkan pengamal media, wartawan, masyarakat sivil, dan ahli akademik.

Tujuannya adalah untuk memastikan media di Malaysia adil, telus, dan tidak dipengaruhi oleh politik atau perniagaan.

UNDANG-UNDANG PENTING (RINGKAS)

Seksyen 233 CMA:

Melibatkan kandungan yang dianggap lucu, palsu, mengancam atau menyinggung perasaan.

PPPA:

Membenarkan kerajaan mengharamkan penerbitan yang dianggap boleh mengganggu ketenteraman, moral, keselamatan, atau kepentingan negara.

Nilai yang sering digunakan dalam undang-undang ini:

- Kepentingan negara
- Keselamatan negara
- Isu 3R




SUMBER TAMBAHAN / BACAAN LANJUT:

Amnesty Malaysia's 'Unsilenced' resource:
unsilenced.amnesty.my

Amnesty Academy Course:
[Freedom of Expression: A Fundamental Right](#)

Article 19:
[What is Freedom of Expression?](#)

Centre for Independent Journalism (CIJ):
[Report on the State of Freedom of Expression in Malaysia 2025](#)





TIP UNTUK MEMUDACARA PERBINCANGAN:

➤ SEBELUM PERBINCANGAN:

Sediakan rangka soalan, objektif atau hasil yang ingin dicapai daripada perbincangan, serta soalan-soalan yang ingin ditunjukkan.

➤ PERMULAAN:

Perkenalkan diri anda dan terangkan mengenai filem pendek tersebut.

➤ PENUTUP

Rumuskan perkara utama dan pengajaran penting daripada perbincangan.

➤ MEMBINA PERBINCANGAN:

Mulakan dengan soalan asas sebelum beralih kepada soalan yang lebih kompleks:

- Apa yang anda lihat dalam video tersebut?
- Pada pendapat anda, apakah mesej yang ingin disampaikan oleh video ini?
- Bagaimana anda melihat isu ini sebagai satu masalah dalam masyarakat?
- Apakah penyelesaian kepada isu ini?